INTI International University & Colleges™

# #SPMSureSkor Workshop

# Pendidikan Moral

## Form 5 Note 2

**Scan to join more INTI #SPMSureSkor Sessions.**

| |
|---|
| **INTI Education Counselling Centre Johor**<br>No. 25, 25-01, Jalan Austin Heights 8/1, Taman Austin Heights,<br>81100 Johor Bahru, Johor<br>Tel. No.: 07 - 364 7537 |
| **INTI Education Counselling Centre Perak**<br>258, Jalan Sultan Iskandar,<br>30000 Ipoh, Perak.<br>Tel. No.: 05 - 241 1933 |
| **INTI Education Counselling Centre Pahang**<br>B16, Jalan Seri Kuantan 81, Kuantan Star City II,<br>25300 Kuantan, Pahang<br>Tel. No.: 09 - 560 4657 |

## Kandungan 目录




| | Tajuk | Muka Surat |
|---|---|---|
| **A** | **18 Nilai Universal dan kata kunci nilai** | **3** |
| **B** | **Graf 18 Nilai Universal** | **4** |

| Unit | Bidang | | Tajuk | Muka surat |
|---|---|---|---|---|
| **5.0 INSAN BERMORAL 有道德的人** | | | | |
| 1 | **INSAN BERMORAL** | 5.1 | Norma Masyarakat Global Membentuk Keharmonian Sejagat 全世界 | 6 |
| 2 | | 5.2 | Ukir Nama di Mata Dunia, Jati Diri Berpisah Tiada | 13 |
| 3 | | 5.3 | Kerohanian Membentuk Individu Bermoral | 22 |
| 4 | | 5.4 | Penggunaan Sumber dan Penyebaran Maklumat demi Kesejahteraan Sejagat | 26 |
| **6.0 JATI DIRI MORAL 自我道德特性** | | | | |
| 5 | **JATI DIRI MORAL** | 6.1 | Integriti Pemacu Kecemerlangan Organisasi | 30 |
| 6 | | 6.2 | Pembangunan Negara Bertunjangkan Integriti | 34 |
| 7 | | 6.3 | Berperikemanusiaan Pemangkin 催化 Kesejahteraan Global | 38 |
| **7.0 MORAL DAN KENEGARAAN 道德与国家** | | | | |
| 8 | **MORAL DAN KENEGARAAN** | 7.1 | Penglibatan Diri Peneraju Komuniti | 44 |
| 9 | | 7.2 | Kerjasama Masyarakat Global | 50 |
| 10 | | 7.3 | Pengurusan Kewangan 财务管理 Secara Beretika Menjamin Keharmonian Hidup | 58 |
| 11 | | 7.4 | Malaysia Unggul 杰出 di Mata Dunia | 63 |
| 12 | | 7.5 | Malaysia dalam Hubungan Antarabangsa | 67 |




## KATA KUNCI NILAI UNIVERSAL KURIKULUM STANDARD PENDIDIKAN MORAL SEKOLAH MENENGAH

| Bil | Nilai | Kata kunci nilai |
|---|---|---|
| 1 | **Kepercayaan kepada Tuhan 信奉上苍** | Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama ataukepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip RukunNegara. |
| 2 | **Bertanggungjawab 负责任** | Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna. |
| 3 | **Berdikari 自立** | Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain. |
| 4 | **Harga Diri 自尊** | Keupayaan dan keyakinan diri agar mampu memulia dan menjaga maruah diri dalam kehidupan. |
| 5 | **Kerajinan 勤勉** | Usaha yang berterusan bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu. |
| 6 | **Berterima kasih 感谢** | Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan. |
| 7 | **Patriotisme 爱国** | Bangga dan taat setia kepada raja dan negara. |
| 8 | **Kebebasan 自由** | Bebas melakukan sesuatu tertakluk kepada peraturan dan undang-undang. |
| 9 | **Keberanian 勇敢** | Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah. |
| 10 | **Kejujuran 诚实** | Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan. |
| 11 | **Rasional 理智** | Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar. |
| 12 | **Baik hati 好心 / 善良** | Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri, dan orang lain dengan memberi bantuan serta sokongan moral secara ikhlas. |
| 13 | **Hemah Tinggi 崇高的品德** | Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian. |
| 14 | **Hormat 尊敬** | Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan insitusi sosial. |
| 15 | **Kasih Sayang 仁爱** | Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas. |
| 16 | **Kerjasama 合作** | Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua. |
| 17 | **Kesederhanaan 中庸之道** | Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain. |
| 18 | **Toleransi 互相忍让 / 容忍** | Kesanggupan bertolak ansur, sabar dan mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham demi kesejahteraan hidup. |

**8K 4B 3H, RPT**

**8K**

1. Kepercayaan kepada Tuhan 信奉上苍
2. Kasih Sayang 仁爱
3. Kerajinan 勤勉
4. Kejujuran 诚实
5. Keberanian 勇敢
6. Kebebasan 自由
7. Kerjasama 合作
8. Kesederhanaan 中庸之道

**4B**

1. Bertanggungjawab 负责任
2. Berdikari 自立
3. Baik hati 好心 / 善良
4. Berterima kasih 感谢

**3H**

1. Hormat 尊敬
2. Hemah Tinggi 崇高的品德
3. Harga Diri 自尊

R - Rasional 理智

P - Patriotisme 爱国

T - Toleransi 互相忍让 / 容忍

**18 NILAI UNIVERSAL**

- 8 K
- 4 B
- 3 H
- 1 R
- 1 P
- 1 T

**8K 4B 3H RPT**



disediakanolehhwongchansuei@smjkseghwa2021

| | | | |
|---|---|---|---|
|  |  |  |  |
| **Kepercayaan kepada Tuhan** | **Kasih sayang** | **Kerajinan** | **Kejujuran** |
|  |  |  |  |
| **Keberanian** | **Kebebasan** | **Kerjasama** | **Kesederhanaan** |

| | | | |
|---|---|---|---|
|  |  |  |  |
| **Bertanggungjawab** | **Berdikari** | **Baik hati** | **Berterima kasih** |

| | | |
|---|---|---|
|  |  |  |
| **Hormat** | **Hemah tinggi** | **Harga diri** |

| | | |
|---|---|---|
|  |  |  |
| **Rasional** | **Patriotisme** | **Toleransi** |

## BIDANG 5 : INSAN BERMORAL 有道德的人
## UNIT 1 @ 5.1 : NORMA MASYARAKAT GLOBAL MEMBENTUK KEHARMONIAN SEJAGAT

### A Konsep : Maksud norma masyarakat global

1. **Masyarakat global** merujuk individu dalam komuniti dunia yang saling berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain.
2. **Norma masyarakat global** 全球社会准则 bermaksud perlakuan yang ditunjukkan oleh anggota masyarakat dunia berasakan peraturan sosial yang diterima dan dikongsi bersama.
3. **konsep norma masyarakat global**
   a) Memahami, menghormati dan menerima amalan masyarakat global
   b) Melestarikan kesejahteraan global
   c) Berkomunikasi mengikut kesesuaian dalam hubungan antara budaya masyarakat global
   d) Bertindak wajar dalam mengejar pembangunan dan menjaga kelestarian global
   e) Mengamalkan sifat kemanusiaan secara global
   f) Menghormati perpektif dalam kepelbagaian isu global
   g) Memahami isu silang budaya 文化交融 masyarakat global

### B Contoh normal masyarakat global

1. Amalan norma masyarakat setempat biasanya berlaku dalam lingkungan masyarakat tertentu, wilayah atau negara.
2. Amalan norma masyarakat global bersifat universal 普遍的 yang diterima, namun masih berlandaskan agama, kepercayaan dan bangsa.
3. Contoh norma masyarakat global

| Bil | Contoh | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | **Ekonomi** | • Pembelian tanpa tunai<br>• Penerimaan mata wang 货币 yang standard<br>• Transaksi dalam talian 线上交易 |
| 2 | **Sosiobudaya** 社会文化 | • Menyantuni masyarakat global<br>• Bangga dan mengutamakan jati diri negara asal<br>• Menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian adat dan tradisi |
| 3 | **Kelestarian alam sekitar** 永续的环境 | • Budaya mesra alam 亲环境文化<br>• Pembangunan terancang<br>• Pengurusan isu alam sekitar global secara sistematik |
| 4 | **Peraturan dan undang-undang** | • Menghormati hak asasi manusia 人权<br>• Melindungi hak asasi manusia<br>• Mematuhi peraturan dan undang-undang antarabangsa |
| 5 | **Kesihatan** | • Perkongsian kepakaran perubatan seluruh dunia<br>• Penyelidikan dan pembanguan produk dan ubat-ubatan<br>• Kerjasama dalam pengawalan penyakit berjangkit 传染病 |
| 6 | **Teknologi** | • Inovasi 革新/创新 dan penciptaan alat teknologi baharu<br>• Jalinan dan jaringan telekomunikasi yang merapatkan jurang digital 数码鸿沟<br>• Penggunaan barangan dan perkakasan canggih dalam kehidupan |

**C** **Kepentingan amalan norma masyarakat global**

1. Norma masyarakat global penting kepada semua pihak bagi membentuk sebuah masyarakat yang menghormati hak manusia dan menghayati nilai universal.
2. Amalan norma masyarakat global dalam kehidupan harian menjadikan sesebuah masayarakat lebih sejahtera dan harmoni.
3. Berikut ialah kepentingan amalan norma masyarakat global

| Bil | Kepentingan | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | **Meningkatkan ekonomi global**<br>提升全球经济 | • Dapat merangsang 激起 pasaran ekonomi global<br>• Dapat menggalakkan penglibatan masyarakat global dalam aktiviti ekonomi |
| 2 | **Membentuk tingkah laku masyarakat global yang berperikemanusiaan** | • Dapat mengukuhkan persefahaman budaya masyarakat global<br>• Bertingkah laku mengikut peraturan dan undang-undang antarabangsa |
| 3 | **Meningkatkan penguasaan teknologi dalam masyarakat global** | • Penyebaran dan perkongsian ilmu terkini lebih pantas dan efisien<br>• Dapat meningkatakan tahap komunikasi antara masyarakat global |
| 4 | **Memartabatkan hak asasi manusia dan kelestarian alam sekitar global** | • Dapat melahirkan masyarakat yang lebih prihatin dan peyayang sesama manusia dan alam seitar<br>• Dapat mewujudkan perpaduan masyarakat global |

**D** **Kesan pengabaian norma masyarakat global**

1. Wujudnya diskriminasi 歧视 antara masyarakat global
2. Alam sekitar global terancam
3. Pertumbuhan ekonomi global terjejas
4. Interaksi sosial masyarakat global terjejas
5. Keharmonian masyarakat global tergugat
6. Peningkatan jenayah dalam masyarakat global

**E** **Ekspresi perasaan apabila mengamalkan norma masyarakat global**

1. Masyarakat global berasa bangga dan gembira kerana dapat mengamalkan amalan norma masyarakat global

**F** **Mengamalkan sikap menghormati norma masyarakat global dalam kehidupan seharian**

1. Rakyat Malaysia **menghulurkan bantuan kemanusiaan** 人道支援 kepada negara yang mengalami bencana alam seperti gempa bumi 地震, tsunami 海啸 dan peperangan 战争
2. Sukarelawan 志工 Malaysia **memberi bantuan kepakaran perubatan dan kesihatan** kepada negara yang mengalami wabak penyakit berjangkit
3. Rakyat Malaysia **menganjurkan program kelestarian alam sekitar** dengan menanam pokok dan membersihkan sampah di kawasan pantai
4. Rakyat Malaysai **menderma wang** kepada tabung alam sekitar sedunia (WWF) untuk membiayai hidupan liar yang hampir pupus
5. Kita **membantu golongan kurang upaya** di mana-mana pelosok dunia 世界各角落
6. Kita **membantu meringankan tugas rakan antarabangsa**
7. Kita **membantu rakan antarabangsa** yang dalam kesusahan

## G Cadangan nilai yang berkaitan

1. Nilai hormat
2. Nilai hemah Tinggi
3. Nilai rasional
4. Nilai kesederhanaan
5. Nilai kebebasan




**Sejauh manakah anda bersedia menjadi masyarakat global ?**

## H Maklumat Tambahan

### 1. Norma masyarakat global : memberi salam / tanda hormat

| Bil | Negara | Amalan Norma Masyarakat |
|---|---|---|
| 1 | **Malaysia, Indonesia** | • berpeluk dan saling mencium pipi, mencium tangan orang yang lebih tua 亲吻长辈的手 |
| 2 | **Thailand, India, Sri Lanka, Nepal, Kemboja, Myanmar** | • Menangkupkan kedua-dua tapak tangan di depan dada dan menundukkan kepala 合掌放在胸前并点头 |
| 3 | **Jepun, Korea, China** | • Menundukkan kepala dan membongkokkan badan 鞠躬 |
| 4 | **Ameika Syarikat, Rusia, Eropah** | • Berjabat tangan 握手 sambil senyum 微笑, memeluk dan menepuk bahagian belakang badan 拥抱 |
| 5 | **Antarabangsa** | • Berjabat tangan 握手 sambil senyum 微笑 |

### 2. Norma masyarakat global : amalan norma masyarakat dan jenis perayaan

| Bil | Negara | Amalan Norma Masyarakat | Jenis Perayaan |
|---|---|---|---|
| 1 | **Malaysia, Indonesia** | • Sembahyang di Masjid | • Hari Raya Aidilfitri |
| 2 | **Thailand** | • Menyimbah air kepada tetamu | • Pesta Songkran 泼水节 |
| 3 | **Jepun, Korea, China** | • Berpakaian tradisional dan sembahyang di tokong | • Tahun Baru Cina |
| 4 | **China** | • Membuat ketupat, lumba bot naga | • Pesta Duan wu 端午节 |
| 5 | **Ameika Syarikat, Rusia, Eropah** | • Sembahyang di gereja dan berkumpul untuk makan besar | • Hari Natal / Hari Krismas 圣诞节 |
| 6 | **Antarabangsa** | • Berkumpul dan menyambut Tahun Baru bersama-sama | • Sambutan Tahun Baharu 新年倒数活动 |

### 3. Perbezaan amalan norma masyarakat global

| Bil | Amalan masyarakat | Masyarakat Timur | Masyarakat Barat |
|---|---|---|---|
| 1 | **Amalan ziarah-menziarahi** 互相拜访 | • Menanggalkan kasut sebelum masuk ke dalam rumah | • Tidak perlu menanggalkan kasut kerana menanggalkan kasut dianggap tidak sopan |
| 2 | **Pakaian** | • Seboleh-bolehnya menutup aurat 遮羞<br>• Tidak boleh mendedahkan bahagian badan kerana dianggap tidak sopan | • Lebih bebas, terutamanya musim panas.<br>• Memakai baju tidak berlengan, seluar pendek kerana cuaca yang panas |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3 | **Menziarahi pesakit di hospital** | • Membawa tonik 补品 dan makanan berkhasiat untuk pesakit supaya pesakit cepat sembuh | • Membawa bunga-bungaan kepada pesakit kerana dapat menceriakan suasana yang sedih |
| 4 | **Cara asuhan / didikan anak** | • Lebih bersifat autoritarian 专制型<br>• Beranggapan anak mesti dididik dengan tegak kerana anak akan melambangkan kebanggaan keluarga 严父出孝子 | • Lebih bersifat permisif 松懈型<br>• Memberi banyak kebebasan kepada anak kerana beranggapan ini ialah cara menghormati hak kebebasan anak-anak |

**4.** Pertubuhan antarabangsa yang berkaitan dengan amalan norma masayarakat global.

| Bil | Jenis pertubuhan | | Huraian |
|---|---|---|---|
| 1 | **Alam sekitar** | **Greenpeace**<br>GREENPEACE<br>绿色和平 | • Memusatkan perhatian kepada isu ancaman nuklear kepada alam sekitar dan planet bumi.<br>• Menjalankan kempen untuk memberhentikan kejuruteraan genetik, ujian nuklear, mengurangkan penggunaan bahan kimia bertoksid dan<br>• kempen menyelamatkan laut dan hutan semulajadi |
| | | **Kesatuan Pemulihan Alam Sekitar Antarabangsa**<br>IUCN<br>**International Union for Conservation of Nature** | • Ditubuhkan pada 1948, terletak di Tasik Geneva, Switzerland.<br>• mengkhususkan pemuliharaan sumber semula jadi<br>• mempengaruhi, menggalakkan, dan membantu persatuan-persatuan di seluruh dunia memuliharakan keutuhan dan kepelbagaian alam sekitar serta memastikan bahawa sebarang penggunaan sumber alam semula jadi adalah adil dan dapat dikekalkan daripada segi ekologi |
| | | **World Wildlife Fund for Nature**<br>WWF®<br>**Tabung Hidupan Liar Dunia**<br>世界自然基金会 | • memainkan peranan dalam mengekalkan kualiti alam sekitar<br>• menjalankan usaha untuk mendidik dan menyeru manusia agar mengekalkan keadaan semulajadi alam dengan menghentikan aktiviti pembalakan haram dan pemburuan binatang yang sudah hampir pupus seperti **orang utan, badak sumatera, seladang, tapir** dan lain-lain.<br>• Melancarkan program "**Hutan Untuk Air, Air Untuk Kehidupan**" dan **"Earth Hour"** |

| Bil | Jenis pertubuhan | | Huraian |
|---|---|---|---|
| 2 | **Hak asasi manusia** | **Pengampunan Antarabangsa**<br>国际赦免 | • Ditubuhkan pada 1961, terletak di London, Britain<br>• Memperjuangkan hak asasi manusia<br>• berkempen untuk "dunia di mana setiap orang menikmati semua hak asasi manusia yang termaktub dalam Perisytiharan Universal Hak Asasi Manusia dan instrumen hak asasi antarabangsa yang lain."<br>• bertujuan untuk melepaskan orang yang dipenjarakan dan ditahan atas sebab-sebab pemikiran / kepercayaan, agama, etnik, warna kulit, bahasa, dsb, dan menghapuskan hukuman sindang / penyiksaan. |
| | | **Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)**<br>国际劳工组织 | • Menegakkan keadilan sosial khususnya dalam kalangan golongan pekerja.<br>• Menggubal standard buruh antarabangsa dengan menetapkan :<br>○ Kebebasan berpersatuan<br>○ Mengendalikan persatuan<br>○ Perjanijian kolektif<br>○ Pemansuhan buruh paksa<br>○ Kesamaan peluang dan layanan<br>• Menggalakkan pembangunan organisasi dan kebebasan bekerja<br>• Menyediakan latihan dan khidmat nasihat kepada organisasi |
| | 联合国难民事务高级专员 | **Pesuruhjaya Tinggi Tentang Orang Pelarian PBB (UNHCR)** | • Melindungi hak dan kebajikan orang pelarian<br>• Menyelaraskan tindakan pada peringkatantarabangsa dalam melindungi dan menyelesaikan masalah orang pelarian<br>• Memastikan orang pelarian mendapat hak suaka 住所 dan perlindungan di negara lain.<br>• Membantu orang pelarian kembali ke negara asalatau menetap di negara lain |
| | | **Tabung Kanak-kanak PBB (UNICEF)**<br>联合国儿童基金会 | • Membantu melindungi kanak-kanak daripada belenggu kemiskinan, keganasan, penyakit dan diskriminasi bagi mempertingkatkan kehidupan mereka.<br>• Menganjurkan langkah memberi penjagaan terbaik.<br>• Menggalakkan pendidikan untuk kanak-kanak perempuan sekurang-kurangnya sehingga sekolah rendah.<br>• Memastikan :<br>○ Kanak-kanak mendapat imunisasi sewajarnya<br>○ Kanak-kanak mendapat makanan<br>• Penyebaran AIDS dan virus HIV tidak menular dalam kalangan remaja |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2 | **Hak asasi manusia**<br>International Cricket Council | **Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC)**<br>国际刑事法院<br>(18 orang hakim) | • Ditubuhkan pada tahun 2002 di bawah **Statut Rom** 罗马规约 untuk membicarakan empat jenis jenayah antarabangsa utama. Ia mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2002.<br>• mengadili 4 jenis jenayah antarabangsa yang serius seperti jenayah **pembunuhan kaum beramai-ramai @ jenayah Genocide** 种族灭绝**, jenayah terhadap kemanusiaan, jenayah perang, jenayah pencerobohan ketenteraan** |
| 3 | **Kesihatan** | **Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)**<br>World Health Organization<br>世界卫生组织 | • Beribu pejabat di Geneva, Switzerland<br>• Memperjuangkan peningkatan taraf kesihatan manusia sejagat<br>• Mendukung dalam pelbagai kempen seperti pelancaran kempen membasmi deman kepialu 伤寒/疟疾 pada tahun 1955， kempen imunisasi terhadap penyakit rubella dan pelancaran UNAIDS untuk membasmi penyakit AIDS pada tahun 1998.<br>• WHO menetapkan Hari Kesihatan Sedunia **pada 07 April setiap tahun**.<br>• WHO juga mengiktirafkan kempen kesihatan awam tertentu, contohnya : Hari Tuberkulosis sedunia 24/03, Minggu Imunisasi Sedunia, Hari Malaria Sedunia 25/04, Hari Dunia Tanpa Tembakau 31/05, Hari Penderma Darah Sedunia 14/06, Hari Hepatitis Sedunia 28/07 dan Hari AIDS Sedunia 01/12. |
| 4 | **Peraturan dan undang-undang** | **Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ)**<br>INTERNATIONAL COURT OF JUSTICE<br>国际法院<br>(15 orang hakim) | • Ditubuhkan pada 1945 di bawah piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang terletak di Haige, Belanda<br>• menyelesaikan pertikaian undang-undang yang dikemukakan oleh dua buah negara<br>• memberi nasihat tentang persoalan undang-undang yang diserahkan oleh badan-badan / agensi-agensi yang diiktiraf oleh PBB<br>• contoh tuntutan **Pulau Sipadan & Ligitan** antara **Malaysia** (1998-2002) dengan Indonesia, **PulauBatu Putih** antara Malaysia dengan **Singapura** (2003), perebutan **Kepulauan Spartly @ Gugusan Semarang Peninjau** (diberikan kepada Filipina pada Tahun 2016) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5 | **Ekonomi** | **Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)**<br>国际货币基金组织 | • Organisasi antarabangsa tetap yang terdiri daripada 191 negara<br>• Menggalakkan kerjasama kewangan antarabangsa dan merunding masalah kewangan<br>• Menggalakkan kestabilan tukaran wang asing dan memelihara aturan tukaran wang<br>• Bantuan / pinjaman kewangan kepada negara yang mengalami krisis kewangan. |
| | | **Persidangan Perdagangan dan Pembangunan PBB (UNCTAD)**<br>联合国贸易和发展会议 | • Mengintegrasikan negara-negara membangun ke dalam ekonomi dunia.<br>• Kebenaran import tanpa cukai barangan terpilih negara membangun<br>• Pusat pengurusan bagi isu-isu perdagangan dan pembangunan, kewangan, teknologi dan pelaburan.<br>• Merupakan forum antara kerajaan, pakar ekonomi dalam bentuk pertukaran pengalaman bagimencapai persetujuan bersama.<br>• Menjalankan penyelidikan, analisis polisi dan pengumpulan data untuk menjadi input kepada perbincangan dalam forum |
| 6 | **Sosio budaya** | **Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, dan Kebudayaan PBB (UNESCO)**<br>联合国教育、科学與文化组织 | • Ditubuhkan pada 1945, terletak di Paris, Perancis.<br>• Berperanan membantu dan menggalakkan kerjasama dalam kalangan negara anggota dalam bidang pendidikan, sains, sosial, kebudayaan dan komunikasi.<br>• Sebagai pusat perkongsian dan penyebaran maklumat<br>• Menggalakkan perjanjian dalam isu-isu etika. |
| | | **Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO)**<br>粮食及农业组织 | • Beribu pejabat di Rom, Itali.<br>• Berperanan untuk meningkatkan pengeluaran makanan, sistem agihan dan mengatasi kebuluran 饥荒<br>• Menghulurkan bantuan makanan kepada mangsa perang dan malapetaka alam 天灾 |

5. **"Earth Hour"** ialah kempen yang digerakkan oleh World Wide Fund for Nature (WWF) bagi mencetuskan kesedaran tentang perlunya kita bertindak untuk menyelmatkan bumi. Aktiviti semasa kempen "Earth Hour" ialah tindakan **menutup suis elektrik selama** satu jam untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat dunia tentang kesan pemanasan global dan perubahan iklim kepada bumi.



## BIDANG 5 : INSAN BERMORAL 有道德的人
## UNIT 2 @ 5.2 : UKIR NAMA DI MATA DUNIA JATI DIRI BERPISAH TIADA

### A Konsep : Ciri individu glokal 全球在地化的个人特征

1. **Glokal** ialah satu istilah yang digabungkan daripada perkataan **global** dan **lokal**.
2. **Global** bermaksud **sejagat**. Manakala **lokal** bermaksud **setempat.**
3. **Individu golkal** bermaksud **seseorang yang mampu berdaya saing** pada peringkat **global** tetapi **berakar umbi** atau **berpegang teguh pada jati diri lokal**, iaitu tempat tumpah darah sendiri.
4. Berikut ialah ciri individu glokal :

| Bil | Ciri individu glokal | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | **Berdaya saing**<br>有竞争能力 | • Mampu berdaya saing pada peringkat lokal dan global<br>• Memberikan idea yang mencerminkan wawasan bertaraf glokal 能给于有宏愿及全球在地化的建议 |
| 2 | **Jaringan dan jalinan glokal yang baik** | • Menerima, menghormati dan menguruskan kepelbagaian budaya lokal dan global<br>• Mempunyai hubungan yang baik dan mampu berkomunikasi pada peringkat lokal dan global |
| 3 | **Jati diri kukuh**<br>坚定纯净的自己 | • Menyesuaikan diri dengan perubahan dunia tanpa mengabaikan jati diri<br>• Berfikiran positif 积极 dan optimis 乐观 |
| 4 | **Kemahiran teknologi maklumat** | • Mampu mengadaptasi teknologi maklumat mengikut peredaran masa<br>• Mengelakkan penyalahgunaan teknologi maklumat yang menggugat jati diri |

### B Sikap 态度 individu glokal

1. Individu glokal mampu menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang terkini berasaskan nilai universal.
2. Oleh itu, Individu yang baik, inovatif 创新, kreatif 创意, dinamik 生气蓬勃 dan berdaya saing 有竞争能力 pada peringkat global dapat dilahirkan.
3. Berikut ialah contoh sikap individu glokal :
   - i. Mengutamakan budaya asal 注重文化根源
   - ii. Menguasai pelbagai bahasa tanpa mengabaikan bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda 母语
   - iii. Mengekalkan jati diri walaupun bersaing pada peringkat global
   - iv. Menyesuaikan teknologi global dengan teknologi tempatan
   - v. Mengutamakan produk tempatan berbanding dengan produk antarabangsa
   - vi. Menjaga nama baik negara ketika berada di luar negara

### C Kepentingan menjadi individu glokal

1. Individu glokal ialah seseorang yang mempunyai ideologi 思想 tempatan dan antarabangsa dalam mengurus kehidupan seharian.
2. Sikap glokal merupakan satu aspek penting pada masa ini untuk menghadapi dunia yang semakin mencabar.

3. Berikut ialah kepentingan menjadi individu glokal :

| Bil | Kepentingan | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | **Membentuk individu yang kreatif dan inovatif** | • Dapat melahirkan individu yang mempunyai sikap dan pemikiran yang berkualiti tinggi<br>• Berilmu dan berkemahiran dalam membuat keputusan |
| 2 | **Meningkatkan imej negara di pesada dunia** | • Mampu bersaing dengan dunia luar<br>• Mencapai prestasi yang cemerlang |
| 3 | **Menghadapi cabaran glokal** | • Mampu mengekalkan identiti lokal<br>• Kemampuan menghadapi cabaran global |
| 4 | **Melestarikan pembangunan negara dan modal insan** | • Dapat memberikan sumbangan yang progresif 渐进的 dalam pembangunan negara<br>• Berfikiran di luar kotak 跳出思维的框架 dari segi ilmu, tindakan, disiplin dan wawasan |

## D Kesan sekiranya individu tidak bersikap glokal

1. Individu yang tidak bersikap glokal akan menghadapi kesan dan cabaran dalam perkembangan diri dan pembangunan negara.
2. Berikut ialah kesan yang akan dihadapoi oleh individu yang tidak bersikap glokal :
   a. Mudah terpengaruh dengan budaya luar
   b. Transformasi kemajuan negara terjejas 国家进步转型受影响
   c. Kepakaran dan kemahiran yang terhad dalam bidang yang diceburi
   d. Kesukaran bersaing dan berkomunikasi dengan dunia luar
   e. Hilang nilai, etika dan jati diri dalam mengejar arus globalisasi 全球化的潮流
   f. Kurang kemampuan untuk menghadapi masalah secara holistik 全面/整体的
   g. Kesukaran menerima kepelbagaian sosiobudaya 面对困难接受多样化的文化社会

## E Ekspresi perasaan apabila bertindak sebagai individu glokal

1. Sikap glokal dalam diri seseorang mampu menyemai nilai harga diri dan memantapkan 使稳固/坚定 nilai patriotisme.
2. Pemantapan sikap ini melahirkan perasaan **bangga, bersyukur dan gembira** dalam diri setiap individu.

## F Mengamalkan sikap individu glokal dalam kehidupan seharian

1. Berikut ialah beberapa contoh isu yang memerlukan amalan sikap individu glokal dalam kehidupan seharian
   a. Pemilihan kerjaya 事业选择
   b. Amalan adat dan kepercayaan
   c. Migrasi 移居
   d. Budaya berpakaian
   e. Seni dan muzik
   f. Jaringan sosial 社交网
   g. Pengurusan alam sekitar
   h. Kepadatan perumahan 住宅区密集度
   i. Sektor pengangkutan
   j. Penyakit berjangkit 传染病
   k. Cabaran integriti
   l. Sektor pelancongan

2. Aktiviti yang memerlukan amalan sikap individu glokal :
   a. Aktiviti memperagakan pakaian pelbagai bangsa di seluruh dunia
   b. Pertandingan akademik di peringkat antarabangsa melalui media massa
   c. Melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum di peringkat antarabangsa
   d. Menyertai pertandingan sukan di peringkat antarabangsa
   e. Program pertukaran budaya 文化交流计划
   f. Program pertukaran pelajar 学生交流计划

## G Cadangan nilai yang berkaitan

1. Nilai kepercayaan kepada Tuhan
2. Nilai hemah Tinggi
3. Nilai harga diri
4. Nilai toleransi
5. Nilai patriotisme



**Bahasaku global, jati diriku glokal. Bersetujukah anda ?**

## H Maklumat Tambahan

| Bil | Isu | Individu lokal | Individu global | Individu glokal |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Pemilihan kerjaya  | Kebaikan : Dapat menyumbang kepakaran dalam negara | Kebaikan : Dapat membanggakan negara pada peringkat dunia | • Pua Khein Seng 潘健成 telah mengharumkan nama Malaysia di peringkat dunia kerana mencipta **USB flash drive** 电脑笔 dan digelar "Bapa Pen Drive" di Malaysia |
| | | Kelemahan : Tidak dapat mempelajari ilmu baharu dari luar | Kelemahan : Kemungkinan terpengaruh dengan budaya negatif | |
| 2 | Seni dan muzik  | Kebaikan : Dapat mempopularkan lagu Melayu di Malaysia | Kebaikan : Dapat mengharumkan nama Malaysia di peringkat dunia | • Shila Amzah 茜拉 telah mengharumkan nama Malaysia di peringkat dunia apabila memenangi rancangan realiti Asian Wave 2012, Shila kemudiannya mengikat kontrak dengan Shanghai Media Team Entertainment Group. Terkenal dengan lagu Patah Seribu, Shila sangat dikenali di negara China sehingga lagu tersebut dirakamkan dalam bahasa Mandarin. |
| | | Kelemahan : Hanya mengenali seni dan muzik di Malaysia sahaja | Kelemahan : Kemungkinan terpengaruh dengan budaya "*black metal*" 黑金属音乐 | |

| Bil | Isu | Pengetahuan lokal | Pengetahuan global | Gabungan (Glokal) | Kebaikan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Alam sekitar | • Kempen mesra alam<br>• Bebas plastik<br>• Baja organik<br>• Penggunaan sistem solar<br>• Program kitar semula | • Polisi alam sekitar yang tegas<br>• Contoh : Insentif kepada organisasi yang bekerjasama dalam mengekalkan kehijauan<br>• Pemulangan cukai bahan plastik<br>• Contoh : cukai untuk barang plastik akan dikembalikan apabila dikitar semula | • Polisi mesra alam<br>• Contoh : Insentif kepada syarikat yang berjaya mengamalkan kaedah mesra alam<br>• Mengenakan cukai pelepasan asap<br>• Mesin kitar semula | • Menggalakkan kaedah mesra alam secara konvensional<br>• Memudahkan rakyat untuk melaksanakan kitar semula<br>• Mengurangkan pencemaran alam |

**Warisan budaya yang melambangkan glokal**

| | |
|---|---|
|  | **Tarian Mak Yong, Malaysia**<br>https://www.youtube.com/watch?v=UhuKVQoYNQ0<br>Tarian ini berasal dari Pattani, Thailand. Tarian ini asalnya ditari untuk **menyembuhkan pesakit yang dirasuk**. Pada 2005, UNESCO mengumumkan bahawa Mak Yong diiktiraf sebagai salah satu Karya Agung Warisan Tidak Ketara Kemanusiaan (Intangible Cultural Heritage of Humanity). |
|  | **Tari Klasik Khmer / Tari Dewi Apsara, Kamboja** 柬埔寨<br>https://www.youtube.com/watch?v=ZVfm-tuTqAo&list=RDErbp1Isk96M&index=3<br>Tarian ini berasal dari mitologi klasik dan kisah kepercayaan Hindu mengenai mitos 神话 bidadari apsara 仙女 iaitu penghuni swargaloka 天宫 yang cantik jelita. |
|  | **Tari Saman (Pok-Pok Ane), Indonesia**<br>https://www.youtube.com/watch?v=DaukhB8zGH8<br>Tari saman diciptakan dan dikembangkan oleh seorang tokoh islam yang bernama **Syekh Saman. Beliau** seorang tokoh agama dan tokoh seniman, oleh itu, tari saman ialah satu tarian dakwah 传教 bertepuk tangan, kaki dan dada sambil menyanyi syair 诗歌. |

| | |
|---|---|
|  | **Nyayian Ca Tru, Vietnam** 越南<br>https://www.youtube.com/watch?v=XrzGeo8GQX8<br>Nyayian Ca Tru adalah nyayian pemujaan 祭拜 yang dinyayi di depan kuil 庙宇. Ia adalah nyayian rakyat Vietnam yang berbentuk sajak dengan muzik. |
|  | **Bangsawan** 马来歌舞剧<br>https://www.youtube.com/watch?v=Xpck6_88rZ0 |
|  | **Dhol** 朵尔鼓**/**一种锡克族大鼓<br>https://www.youtube.com/watch?v=dVr6Z1SSfB0 |
|  | **Muzik Tradisional Cina** 华乐<br>https://www.youtube.com/watch?v=-9crGpn9Ed8 |
|  | **Isun-isun**<br>https://www.youtube.com/watch?v=N9WnXAKDg2A<br>Tradisi berpantun dalam masyarakat Iranum dan Bajau di Kota Belud. Gesekan biola 小提琴 yang dimainkan pemantun wanita menjadikan majlis `ngi it biola' hidup. Pantun isun-isun biasanya melibatkan seorang pemantun lelaki atau lebih, manakala lawannya seorang pemantun wanita atau lebih. Lazimnya majlis isun-isun dimainkan sewaktu majlis keramaian seperti menyambut kelahiran, majlis perkahwinan atau majlis menunaikan nazar dan sebagainya. |
|  | **Awang Batil** 讲故事的人<br>https://www.youtube.com/watch?v=rzaM6zeg_v4<br>Tokoh yang memperkembangkan sastera rakyat dikenali sebagai penglipurlara. Mereka bercerita dari sebuah rumah ke sebuah rumah. Cerita-cerita tersebut bersambung-sambung, memakan masa beberapa malam.<br>Di antara tokoh-tokoh penglipurlara itu ialah **Awang Batil**. Seseorang pencerita digelar Awang Batil kerana semasa mempersembahkan ceritanya, dipukulnya sebuah batil berdeting-deting bunyinya. Irama pukulan batil itu sebagai muzik latar ketika bercerita. |

| | |
|---|---|
|  | **Main Jo'oh (Mah Meri)** 玛美里族祭海活动<br>https://www.youtube.com/watch?v=ncX-sViqX_s<br>Mah Meri ialah orang asli yang tinggal di Pulau Carey. Main Jo'oh ialah tarian menyembah laut untuk mendapat perlindungan dari Tuhan. Mereka mempercayai animisme.万物有灵论 Mah bermaksud hutan, meri bermaksud manusia. Mereka sangat mahir dalam seni ukiran 雕刻 dan seni anyaman 编织. |
|  | **Jikey**<br>https://www.youtube.com/watch?v=tGshqSPt2Hc<br>**Jikey** ialah salah satu daripada teater tradisional masyarakat Melayu yang sangat popular di negeri Kedah dan Perlis sekitar 60-an. Ia juga popular di selatan Thailand dan dikenali sebagai Likey dan popular di Satun dan Phuket. Persembahan Jikey turut dipengaruhi oleh elemen kesenian yang terdapat dalam persembahan Mak Yong, Hadrah, Bangsawan dan Mak Mulung. Tarian Jikey mempunyai bentuk tarian pementasan 舞台剧 dan mempunyai dialog lucu 幽默对话, muzik dan tarian. Muzik jikey terdiri dari muzik dan muzik mengiringi nyanyian. Watak tertentu dalam drama jikey dikenali dengan unsur tertentu dalam muzik. Alatan muzik Jikey biasanya terdiri daripada violin, 3 rebana, dan 2 cerik (ketuk buluh) |
|  | **Tarik Selampit** 拉腰布<br>https://www.youtube.com/watch?v=RUvS8DwUvXE<br>Tari Selampit Delapan merupakan tarian tradisional masyarakat provinsi Jambi, yang pertama kali diperkenalkan oleh M. Ceylon pada tahun 1970. Tarian ini diartikan sebagai tari dengan delapan kain yang menggambarkan pergaulan para muda-mudi di daerah Jambi. Tari Selampit Delapan banyak ditampilkan pada pesta adat, promosi budaya dan hari-hari besar yang ada di provinsi Jambi |
|  | **Joget Gamelan**<br>https://www.youtube.com/watch?v=SXDKV7Xd1fY<br>**Tarian Gamelan** merupakan salah satu tarian Melayu klasik. Tarian klasik ini mula dipersembahkan di Istana di empayar Riau dan Lingga dalam kurun ke-17. Ia mula di persembahkan buat pertama kali di khalayak ramai di Pekan, Pahang dalam tahun 1811 dalam upacara persandingan Tengku Hussain, putera kepada Sultan Abdul Rahman yang memerintah Lingga, dengan Wan Esah yakni adik perempuan kepada Bendahara Ali dari Pahang. |

| | |
|---|---|
|  | **Wayang Kulit** 皮影戏<br>**https://www.youtube.com/watch?v=meF57TpAmOQ&t=139s**<br>**Wayang kulit** ialah seni tradisional yang berasal dari tanah Jawa, Indonesia. Wayang berasal dari kata "Ma Hyang" yang ertinya menuju kepada roh spiritual, dewa, atau Tuhan Yang Maha Esa. Ada juga yang mengartikan wayang ialah istilah bahasa Jawa yang bermakna "bayangan". Wayang kulit dimainkan oleh seorang dalang 皮影戏导演 yang juga menjadi narator dialog tokoh-tokoh wayang, dengan diiringi oleh muzik gamelan 乐队 yang dimainkan oleh sekelompok nayaga dan tembang yang dinyayikan oleh para pesinden. |
|  | **Dikir Barat**<br>https://www.youtube.com/watch?v=4ttLML_AlMg<br>Dikir Barat merupakan satu persembahan negeri Kelantan yang disampaikan secara berkumpulan. Setiap kumpulan biasanya diketuai oleh seorang Tukang Karut dan Tok Juara 主唱. Tukang Karut dan Tok Juara akan mendahului nyanyian sambil berbalas-balas pantun dan diikuti oleh awak-awak 一群和唱的人 sebagai suara latar dengan suara yang kuat dan lantang. Alat muzik yang biasa digunakan ialah rebana 鼓 ibu dan anak dan tetawak.小铜锣 |
|  | **Tari inai**<br>https://www.youtube.com/watch?v=faXeky2Kjck<br>Tarian Inai ini popular di Perlis, utara Kedah dan Kelantan. Tarian Inai ini jarang dipersembahkan berbanding tarian istana yang lain, disebabkan ia dikhusus bagi peristiwa tertentu seperti perkahwinan, berkhatan 施割礼（男子包皮）, dan pertabalan diraja 国王登基.Pada masa dahulu, tari inai ditari oleh 2 orang lelaki. |
|  | **Muzik Asli dan Dongang Sayang** 马来传统歌谣<br>https://www.youtube.com/watch?v=gBxBPyrBTyA<br>Dondang sayang ialah sejenis balada cinta Melayu tradisional. Dalam lagu dondang sayang, penyanyi-penyanyi saling bertukar pantun tanpa persediaan dalam gaya yang riang dan kadang-kadang lucu. Nyanyian-nyanyian biasanya diiringi empat orang ahli muzik yang terdiri daripada seorang pemain biola; dua orang pemain rebana (gendang yang di sebelah sahaja dipasang kulit) Melayu; dan seorang pemain tawak (gong kecil). Ia telah wujud semasa Zaman Kesultanan Melayu Melaka. |

| | |
|---|---|
|  | **Tarian Singa** 舞狮<br>http://www.youtube.com/watch?v=nzxiRb3gWHo<br>Sebahagian daripada tarian tradisional dalam adat warisan masyarakat Cina, yang mana penari akan meniru pergerakan singa dengan menggunakan kostum singa. Kostum singa itu dimainkan oleh dua orang penari iaitu seorang memainkan di bahagian hadapan dengan menggerakan kepala kostum, manakala pasangan penari akan memainkan bahagian belakang kostum singa tersebut. Kedua-dua penari itu akan bergerak seakan-akan singa di atas pentas yang disediakan. Tarian singa ini akan diiringi oleh gong, dram dan dentuman mercun yang dikatakan akan membawa tuah. |
|  | **Tarian Naga** 舞龙<br>https://www.youtube.com/watch?v=jEI6czGW4c4<br>Persembahan tradisional dalam budaya Cina. Tarian naga sering dipersembahkan pada musim perayaan. Orang Cina selalu menyebut "**Keturunan Naga**"龙的传人, sebagai lambang identiti etnik. |
|  | **TARIAN BHARATA NATYAM**<br>https://www.youtube.com/watch?v=CMatC8yu7-U<br>Tarian ini adalah berasal daripada wilayah Tamil Naidu di bahagian Selatan India. Secara tradisionalnya, tarian ini di persembahkan secara solo oleh seorang penari wanita.Suatu persembahan yang lengkap dalam tarian ini merangkumi enam peringkat di kenali sebagai Alarippu, Jatiswaram, Sabdam, Varnam, Padam dan Thillana. Peringkat-peringkat ini menggabungkan elemen Nritta atau tarian tulen dan Nritya (Tarian Ekspressi). Nritta merangkumi tiga elemen, posisi berdiri yang asas,pergerakan tangan dan kaki dan juga seni pergerakan tangan. |
|  | **Lukisan Titik Australia**<br>https://www.youtube.com/watch?v=6Gis2d6RzvA<br>Teknik titik atau lebih dikenali sebagai 'pointillism'. Bagi menghasilkan lukisan teknik titik ini, alat yang diperlukan adalah sejenis pen yang dipanggil pen teknikal atau pen yang menggunakan dakwat basah. Kesabaran diperlukan dalam menghasilkan lukisan jenis ini kerana jika tidak sabar titik yang terhasil agak kurang baik dan terbentuk seperti garisan yang berekor. Mulakan dengan ton yang cerah dan tambahkan titik-titik sedikit demi sedikit bagi mendapatkan ton yang gelap |


detikcom
Beda Tari Saman & Tari Ratoh Jaroe
Tari Saman
Menyajikan kombinasi tepukan tangan dan tepukan dada
Identik dengan laki-laki
Murni diiringi oleh syair yang dilantunkan para penarinya
Jumlah penari biasanya ganjil dan dipimpin oleh beberapa penari yang duduk di tengah
Pakaian: biasa busana adat Gayo Lues (Kantong bermotif)
Sudah ada sejak abad ke-13, dikembangkan oleh Syekh Saman
Fungsinya untuk menyebarkan syiar Islam (pendidikan, nasihat, kekompakan)
Tari Ratoh Jaroe
Dilakukan oleh perempuan dan berjumlah genap
Dikendalikan oleh dua orang yang duduk di luar formasi penari
Iringan musik dilakukan bukan oleh para penari
Tak banyak melibatkan tepukan dada
Pakaian polos yang dipadukan dengan songket aceh
NASKAH: SUDRAJAT | SUMBER: DETIKTRAVEL, LINTASGAYO.CO | INFOGRAFIS: MINDRA PURNOMO
detiknews

## BIDANG 5 : INSAN BERMORAL 有道德的人
## UNIT 3 @ 5.3 : KEROHANIAN MEMBENTUK INDIVIDU BERMORAL

### A <u>Konsep : Ciri individu yang mempunyai nilai kerohanian</u>

1. **Kerohanian** 精神**/**心灵**/**灵性 merupakan asas dalam kehidupan individu.
2. **Elemen kerohanian** seperti **kebenaran** 真理**, kedamaian** 和平安宁 dan **kasih sayang** 仁爱 menjadi asas dalam pembentukan individu bermoral.
3. Masyarakat yang mempunyai pegangan agama atau kepercayaan menyakini bahawa nilai kerohanian dapat bantu dalam pembentukan individu bermoral.
4. Berikut ialah **ciri individu yang mempunyai nilai kerohanian :**
   - **a. Saling menghormati** 互相尊重
   - **b. Berani menengakkan kebenaran** 捍卫真理
   - **c. Adil** 公道公平
   - **d. Berpegang teguh pada ajaran agama atau kepercayaan** 遵守宗教及信仰教导
   - **e. Jujur** 诚实
   - **f. Sayangi diri** 爱护自己
   - **g. Bersyukur dengan kehidupan** 对生活感恩

### B <u>Cara meningkatkan nilai kerohanian</u>

1. Perkembangan emosi 情绪/感情 dan sosial 社会 yang sihat berkait rapat dengan nilai kerohanian.
2. Terdapat beberapa cara untuk meningkatkan nilai kerohanian dalam diri setiap individu :

| Bil | Cara meningkatkan nilai kerohanian | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | **Menjadikan ajaran agama atau kepercayaan sebagai panduan hidup** 生活的向导 | • Mempelajari dan mengamalkan tuntutan agama atau kepercayaan dalam kehidupan harian |
| 2 | **Menerima kepelbagaian bangsa** | • Menjaga hubungan baik sesama manusia |
| 3 | **Melindungi alam sekitar** | • Menjaga keseimbangan flora dan fauna |
| 4 | **Menjalani kehidupan yang benar dari aspek pemikiran, perasaan dan perlakuan** | • Mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan |
| 5 | **Mentaati ibu bapa** 遵从父母 | • Bersikap baik terhadap ibu bapa |
| 6 | **Menjauhi diri daripada gejala negatif** 社会弊病 | • Melakukan aktiviti yang berfaedah |

### C <u>Kepentingan nilai kerohanian bagi membentuk individu bermoral</u>

1. Nilai kerohanian amat penting dalam pembentukan individu bermoral.
2. Dengan nilai kerohanian, individu dapat membezakan yang baik dengan yang buruk dalam pemikiran, perasaan dan tindakan.

3. Berikut ialah kepentingan nilai kerohanian dalam membentuk individu bermoral :

| Bil | Kepentingan | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | **Membentuk insan yang berkeperibadian mulia** | • Disayangi dan dihormati oleh orang lain |
| 2 | **Mengelakkan individu daripada melakukan perkara yang ditegah** 被禁止 **oleh agama** | • Hidup lebih harmoni dan sejahtera |
| 3 | **Melahirkan individu yang berfikiran rasional** | • Keputusan yang dibuat betul dan tepat |
| 4 | **Menjadi suri teladan** 模范**/**榜样 | • Inspirasi 灵感 kepada orang lain |

D **Implikasi pengabaian nilai kerohanian dalam diri individu**

1. Dalam mengejar arus kemodenan, nilai kerohanian semakin dilupakan oleh generasi muda.
2. Berikut ialah **implikasi pengabaian nilai kerohanian** dalam diri individu :
   a. Menjadi individu bersikap materialistik 物质主义者
   b. Menjadikan individu bersikap individulistik 个人主义
   c. Mengubah gaya hidup yang melampaui 触犯 landasan agama 宗教基础 atau kepercayaan
   d. Mewujudkan sikap angkuh dan sombong
   e. Mengetepikan nasihat orang tua dan anggota keluarga
   f. Mengabaikan sikap berkeperibadian mulia 崇高的个性/特质
   g. Menjadikan hidup tidak tenteram 平静

E **Ekspresi perasaan apabila menghayati nilai kerohanian**

1. Nilai kerohanian merupakan asas dalam pembentukan individu bermoral. Individu bermoral perlu mengamalkan **nilai kepercayaan kepada Tuhan, hormat dan baik hati dalam kehidupan harian**.
2. Amalan kerohanian juga melahirkan sikap **kasih sayang dan bertanggungjawab** dalam diri individu.
3. Individu bermoral akan sentiasa **bangga, bersyukur dan gembira** dalam kehidupan.

F **Mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan seharian**

1. Berikut ialah beberapa contoh amalan nilai kerohanian dalam kehidupan seharian
   a. Melibatkan diri dalam aktiviti kerohanian (penghayatan nilai murni dalam agama)
   b. Melibatkan diri dalam aktiviti kerja amal atau kesukarelawanan (melibatkan diri dalam aktiviti gotong royong, kebajikan dan kemasyarakatan tempat ibadat)
   c. membantu menyelesaian masalah dengan berpandukan nilai kerohanian (Keratan akhbar berkaitan isu-isu semasa seperti kes pembuangan bayi, pencemaran alam, rasuah, etika dalam kehidupan bermasyarakat) / tidak melibatkan diri dalam perbuatan yang boleh menjejaskan kerohanian diri
   d. sentiasa mematuhi ajaran agama dengan menghayati 内心的体验 nilai agama dalam kehidupan seharian
   e. Sentiasa bersikap jujur dalam melaksanakan tugas

## G Cadangan nilai yang berkaitan

1. Nilai kepercayaan kepada Tuhan
2. Nilai kasih sayang
3. Nilai bertanggungjawab
4. Nilai baik hati
5. Nilai hormat



**Bagaimanakah aspek kerohanian membentuk individu bermoral ?**

## H Maklumat Tambahan

Tokoh-tokoh berikut mempunyai nilai kerohanian yang tinggi.

| Bil | Tokoh | Biodata 生平簡介 |
|---|---|---|
| 1 |  **Iman Al-Ghazali (1058-1111)** | **Nama:** Abu Hamid Muhammad al-Ghazali<br>**Gelaran:** Imam al-Ghazali dan Algazel<br>**Asal:** Bandar Tusi, Khurasan (Iran)<br><br>Ulama terkenal dalam sejarah pemikiran Islam, menghidupkan fahaman Islam dan meninggalkan taklid yang membuta-tuli untuk kembali kepada al-Quran dan sunah. |
| 2 |  **Mahatma Ghandi (1869-1948)** 甘地 | Seorang pemimpin spiritual dan tokoh politik tersohor dari India. Pada masa kehidupan Gandhi, banyak negara yang merupakan jajahan British. Penduduk di koloni-koloni tersebut mendambakan 渴望 kemerdekaan agar dapat memerintah negaranya sendiri.<br>Gandhi adalah salah seorang yang paling penting yang terlibat dalam pergerakan kemerdekaan India. Dia adalah aktivis 积极分子 yang tidak menggunakan kekerasan, yang mengusung 扛起 gerakan kemerdekaan melalui demonstrasi secara aman 和平示威. |
| 3 |  **Confucius (551sm-479sm)** 孔老夫子 | Seorang ahli fikir 思想家 yang termasyhur di China.<br>Falsafah beliau menekankan prinsip moral peribadi dan politik, ketepatan hubungan sosial, keadilan dan keikhlasan.<br>Fikiran Kongzi telah diperkembangkan menjadi sebuah sistem falsafah 哲学 yang luas dan lengkap, dan yang kini digelarkan Konfusianisme.<br>Perbincangan dengan pengikut-pengikutnya yang menggambarkan keseluruhan ajarannya dihimpunkan setelah kematian beliau dalam suatu buku khas berjudul Lunyu 论语 |
